

**UCAPAN YDP SEMPENA LOVE GREEN CARNIVAL RIDE 2012
13 MEI 2012 (AHAD)
BERTEMPAT DI PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR,
TAMAN BAGAN LALANG, SUNGAI PUYU, BUTTERWORTH**

Terima kasih Pengacara Majlis.....

Yang Berbahagia **Encik Chan Poh Kong**

Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar SPU

Yang Berusaha **Encik Jason Ang**

Pengerusi Penganjur Pusat Sumber Alam Sekitar SPU

Semua tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini.

Selamat pagi dan salam sejahtera

Saya rasa amat bertuah mempunyai anda semua di Seberang Perai terutama di Taman Bagan Lalang, Sungai Puyu ini kerana semua nampaknya sangat aktif, sihat dan bertenaga.

Terima kasih diucapkan juga kepada penganjur program kita pada pagi ini iaitu Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara kerana berjaya mengadakan program kemasyarakatan yang melibatkan ramai penduduk. Walaupun dalam keadaan hujan, kita telah berjaya menghabiskan laluan basikal ini sepanjang 12km. Untuk makluman semua, program seumpama ini adalah selari dengan Fokus Majlis Perbandaran Seberang Perai tahun ini iaitu eko-komuniti yang mana penglibatan dengan masyarakat atau penglibatan dengan pihak ‘*stakeholder*’. Saya fikir kita akan mempunyai lebih banyak program-program dengan masyarakat dan ‘*stakeholder*’ dalam usaha untuk membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan moto MPSP iaitu “*Sustainability Is Our Commitment*”.

Terima kasih kepada Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Utara yang merupakan satu pusat yang dilantik oleh MPSP (Bahagian LA 21) sebagai pusat alam sekitar yang mewakili Seberang Perai Utara sejak 2010 yang telah bertungkus lumus menyediakan pelbagai program. Antara program-program yang dibuat adalah seperti :

- i. Mengutip barang-barangan kitar semula dari jiran-jiran setiap bulan (Hari Ahad yang pertama), program bertujuan untuk membangkitkan kesedaran kepentingan kitar semula dalam masyarakat kini. Program ini telah berjaya membantu MPSP untuk mengurangkan perbelanjaan pelupusan sampah ke Pulau Burung.
- ii. Membuat bebola enzim (mudball)
- iii. Mengutip sisa-sisa dapur
- iv. Berbasikal beramai-ramai setiap hari Ahad pagi
- v. Menanam bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan organik
- vi. Menyertai program-program hijau yang dianjurkan oleh pihak LA 21
- vii. Green Ride MPSP- Dijemput pada 3 Jun 2012 untuk melihat laluan di SPT iaitu 36km.
- viii. Event yang dianjurkan oleh kerajaan Pulau Pinang

Saya juga dimaklumkan penyertaan acara berbasikal pada pagi ini telah disertai seramai 597 orang peserta. Selain itu juga, pihak penganjur juga telah menyediakan acara senamrobik selepas berbasikal supaya kita boleh meregangkan badan setelah penat membuat kayuhan basikal tadi. Bagi memeriahkan karnival ini, pihak penganjur juga turut menyediakan cabutan bertuah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah berjaya menganjurkan program seumpama ini.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir yang telah banyak memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita menjalani gaya hidup sihat dan berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Sekian, terima kasih.